



## MAKLUMBALAS ADUAN MELALUI HARIAN METRO

Aduan daripada IGER1959 melalui akhbar Harian Metro di ruangan iM Lapor pada 24 Disember 2014 adalah dirujuk.

Dimaklumkan bahawa pendeposit SSPN-i boleh membuat pengeluaran pada bila-bila masa dan permohonan pengeluaran deposit akan diproses dalam tempoh tidak melebihi 14 hari bekerja selepas dokumen permohonan yang lengkap diterima oleh PTPTN.

Bagi tujuan pengeluaran SSPN-i, pendeposit hendaklah mengisi dan melengkapkan dokumen berikut serta mengemukakannya melalui Pejabat PTPTN Negeri atau ejen bank berhampiran yang telah dilantik oleh PTPTN di seluruh negara:

- i) Borang Pengeluaran Deposit; dan
- ii) Salinan muka hadapan buku akaun simpanan/ penyata akaun pendeposit sekiranya ingin wang simpanan tersebut dikreditkan ke akaun pendeposit.

Bagi membolehkan semakan terperinci dilakukan, PTPTN memohon kerjasama pengadu untuk menghubungi Jabatan Perhubungan Awam dan Media PTPTN di **talian 03-2098 3712/ 5118/ 5004** bagi memberikan maklumat yang terperinci supaya tindakan lanjut dapat diambil terhadap aduan ini dengan segera. Segala kerjasama yang diberikan oleh pengadu amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**Rina Abd Rahman**

Pegawai Perhubungan Awam

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional